

# ‘PM watak utama selamatkan keluarga saya di Palestin’

BERITA HARIAN 17 APR 2024

**Kuala Lumpur:** Ibarat bermimpi, aktivis kemanusiaan, Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman tidak menyangka panggilan telefon diterima sehari sebelum Aidilfitri membawa berita gembira.

Selepas hampir 200 hari berjuang dengan keluarga yang menetap di Gaza, doa untuk bertemu anaknya dimakbulkan Allah.

Berkongsi kisah anaknya dibawa pulang ke Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM) itu menerusi catatan ‘183 Hari Yang Panjang’ di Facebook berkata, satu ‘Misi Gila’ dilakukan oleh kerajaan.

Beliau menguak ada meminta pertolongan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, namun jawapan yang diterima ketika itu ‘tidak membahagiakan’.

“Kisah bermula saat Gaza sedang sengit berperang, manakala keluarga saya berjaya mengharungi kepayahan dan sampai ke Rafah untuk menyelamatkan diri.

“Saya bersama sahabat merangkap kekanda kami, (Dr) Sani Araby (Ketua Pegawai Eksekutif) Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) diberi peluang bertemu watak utama misi menyelamat bulan lalu di satu majlis di Shah Alam, beberapa hari sebelum beliau ke Berlin.

“Dalam ramainya orang, sempat saya maklumkan keluarga

terkandas di Rafah. Beliau hanya sempat membelek kiriman kami, memberikan respon ringkas ‘saya akan bantu’ dan terus menaiki kenderaannya memecut ke majlis seterusnya.

“Hati saya mula luluh, mungkin itu bahasa orang politik. Namun dalam surat saya, saya akhiri ayat dengan ‘Kepada Allah jualah kami berserah’. Saya tawakal dan serahkan segala-galanya kepada Allah,” katanya.

Nadir berkata, sehari sebelum Aidilfitri beliau dihubungi Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi, memintanya hadir di sebuah lokasi rahsia.

Katanya, Ahmad Farhan memang kerap menjemput mereka ke pejabatnya di Putrajaya dan kerap menghubungi bagi bertanyakan keadaan keluarga di Gaza.

“Kali ini nadanya berbeza, agak serius dan memaklumkan kami untuk datang ke satu lokasi khas. Saya dan (Dr) Sani saja dibenarkan ke sana! Allahuekbar. Ada apa pula ni? Saat sampai ada kenderaan hitam menanti. Risau juga macam dalam drama.

“Alangkah terkejutnya saya saat pintu dibuka, saya diterpa anakanda yang selalu hadir dalam mimpi sekian malam. Air mata seorang ayah bertakung tak mampu menahan kerinduan.

“Saya biasa melalui perang di Gaza, melihat kehilangan dan air



Anwar ketika bertemu dengan Nadir Al Nuri (dua dari kanan).

(Foto Facebook Nadir Al Nuri)

mata serta cekalnya kehidupan. Tetapi misi ini saya katakan ‘Misi Gila’ kerana bukan mudah untuk dikeluarkan keluarga saya saat bedilan roket dan hentaman bom bertali-arus, malah ketegangan di sempadan juga berlanjutan.

“Secara senyap pemimpin negara menghubungi pihak sana, ternyata diplomasi insani ini jauh lebih berkesan daripada kaedah yang lain,” katanya.

## Penuh cabaran tersirat

Nadir berkata, proses pasukan itu sangat cepat, teratur dan lancar walaupun penuh dengan cabaran tersirat.

“Watak utama dalam ‘Misi Gila’ ini adalah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sendiri. Suka beliau atau tidak, dalam soal Palestin, umat perlukan satu ketumbukan.

“Palestin pernah bergantung kepada garangnya Saddam Hussein, kemudian lantangnya Erdogan. Kini tiba giliran kita dan yang boleh kita banggakan ialah ketegasan Malaysia dalam bersolidariti.

“Tindakan PMX (Anwar) menghalang kemasukan kapal milik penjajah ke pelabuhan kita, ketegasan menyatakan sokongan kepada Hamas dan mutakhir jawapan berpendirian di hadapan Canselor Jerman menjadikan nama Malaysia disebut-disebut dalam kalangan marhain di jalanan bumi penuh keberkatan, selain menjadi bual bicara di peringkat antarabangsa,” katanya.

Beliau berharap rakyat di negara ini terus bersatu membela nasib saudara di Palestin serta menjadi jaguh di peringkat dunia dan berani mengiringi kata-kata

dengan langkah di alam nyata.

“Untuk PMX, PMO (Pejabat Perdana Menteri) dan (Dr) Sani semua pihak yang menjayakan usaha ini sama ada secara langsung mahupun mendoakan, kami sekeluarga mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga.

“Allah sahaja membalas jasa kalian semua,” katanya.

Sementara itu, Anwar menzahirkan kesyukuran kerana Nadir dapat bersatu semula dengan keluarganya yang berjaya dibawa keluar dari Gaza.

Perdana Menteri dalam hantaran di Facebook, turut menyatakan penghargaan kepada Presiden Mesir, Abdel Fattah Al Sisi dan kerajaan Mesir atas kerjasama yang diberikan dalam membawa keluarga Nadir keluar dari kawasan bergolak.